



LAPORAN LIPUTAN MEDIA
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

TARIKH : 29 APRIL 2025 | 01 ZULKAEDAH 1446 H
HARI : SELASA

BIL.	AGENSI MEDIA	TAJUK
1.	Sinar Harian	Lokasi haram tangkap ikan
2.	Harian Metro	- Buru ikan tengah bandar - Bubu naga, ketam, udang tanpa tuan dirampas

Ringkasan Eksekutif

Pada **29 April 2025**, sebanyak **3** liputan media berkaitan Jabatan Perikanan Malaysia telah diterbitkan. Daripada jumlah tersebut, **2** liputan bersifat positif, **1** bersifat neutral, dan **0** liputan negatif direkodkan.

Disediakan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perikanan Malaysia

1.	Tajuk	Lokasi haram tangkap ikan
	Akhbar/Media	Sinar Harian
	Muka surat/capaian	24
	Kategori Liputan	Positif

24 **NEGERI**
SINAR HARIAN • SELASA 29 APRIL 2025

Sinar Harian
TELUS & TULUS

SELANGOR/KL MELAKA KELANTAN
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERKEMBANGAN

Lokasi haram tangkap ikan

Pasukan Polis Marin bertindak selepas terima aduan nelayan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
TANJUNG KARANG

KITA SELANGOR



Anggota PPM menemui bubu naga yang ditinggalkan di perairan Bagan Tengkorak, Tanjung Karang pada Ahad.

Hasil maklumat yang disampaikan nelayan tempatan mendedahkan aktiviti menangkap ikan secara haram menggunakan bubu naga di perairan 2.8 hingga 2.1 batu nautika dari Bagan Tengkorak di sini pada Ahad.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Satu, Asisten Komisioner Rusley Chi Ari berkata, laporan diterima pihaknya kira-kira jam 8.30 pagi sebelum anggota digerakkan menerusi Op Taring Gelora.

"Anggota PPM pergi ke lokasi dan menjumpai lima tanda disyaki digunakan untuk tanda bubu naga. Pemantauan dilakukan kira-kira sejam, namun tiada pemilik hadir ke lokasi sebelum rampasan dibuat untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Ujarnya, rampasan melibatkan 22 bubu naga bernilai RM2,200 untuk tindakan mengikut Akta Perikanan 1985 dan kes diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Jabatan Perikanan Negeri Selangor.

Sementara itu dalam kes berasingan, PPM merampas 18 set bubu udang dan ketam bernilai RM900 di perairan Kuala Perlis, Perlis pada Ahad.

Rusley berkata, dua lelaki disyaki warga Thailand menaiki bot telah melarjkan diri selepas melihat kehadiran anggota bot peronda PPM.

"Suspek dilihat mencampakkan objek dan pemeriksaan di lokasi menemui peralatan menangkap ikan dikenali bubu udang atau ketam," ujarnya.

Bubu naga diharamkan penggunaannya berikutan mampu memerangkap serta mengancam hidupan laut yang lebih kecil dan benih udang selain merosakkan ekosistem dasar laut negara.

RINGKASAN :

Rampasan melibatkan 22 bubu naga bernilai RM2,200 untuk tindakan mengikut Akta Perikanan 1985 dan kes diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Jabatan Perikanan Negeri Selangor

2.	Tajuk	Buru ikan tengah bandar
	Akhbar/Media	Harian Metro
	Muka surat/capaian	24
	Kategori Liputan	Neutral



BURU IKAN TENGAH BANDAR

Warga KL tak perlu pergi jauh bagi rasai sendiri pengalaman tumpaskan ikan 'gergasi'

Oleh Redzuan Muharam
am@hmsmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sapa sangka di tengah-tengah ibu kota Kuala Lumpur terdapat sebuah anak sungai yang sedang ditambah membongkar kewujudan spesies ikan toman dan patin.

Beberapa belia di Kampung Sungai Baru yang menjadikan hobi memancing ikan pada masa lapang terkejut apabila berjaya menuliskan spesies ikan itu yang terperangkap di satu kawasan aliran sungai berhampiran tapak pembinaan baru-baru ini.

Ini berikutan kemunculan pelbagai spesies ikan bersaiz besar di kawasan itu, sekali gus menjadi tumpuan penduduk setempat terutama kaki pancing.

Penduduk, Fazril Mohamad Yusoff, 30, antara yang teruja kerana menemui port baru memancing.

Fazril yang bekerja sebagai pegawai bank berkata, kewujudan lokasi itu memudahkan dia dan kaki pancing lain berkumpul bagi melakukan hobi mereka.

"Sebelum ini saya ke luar kampung untuk memancing tapi tidak lagi selepas ada port ini tahun lalu. "Cuma biasanya, nak dapat ikan ambil masa dan tak menentu.

Tapi kelmarin (Sabtu), rezeki saya kerana dapat ikan patin seberat 10 kilogram (kg) selepas memancing dari jam 8 hingga 9.30 pagi," katanya.

Menurutnya, ikan patin itu adalah yang terbesar pernah ditangkapnya sejak aktif memancing.

"Saya bawa balik tapi tak masak. Saya letakkan ikan itu di dalam kolam kerana nak pelihara dulu.

Kebetulan, rumah saya memang ada kolam ikan. Tapi penduduk lain ada yang masak dan macam-macam ikan mereka dapat antaranya keli Afrika, haruan dan toman.

"Sebagai penduduk, seronok kerana dapat memancing dekat rumah untuk hilangkan tekanan kerja tanpa perlu pergi jauh," katanya.

FAZIL, membawa pulang ikan patin yang ditangkap di kawasan cetek.

SEKOR ikan patin yang dibawa naik menggunakan jaring.

ORANG memancing menunjukkan ikan patin yang dipancing selepas menurugi hampir sejam setengah.

FAZIL (kanan) bersama rakan, Mohd Roslan Zulkefli (kiri) menunjukkan ikan patin dan keli seberat lebih 10 kilogram yang berjaya dituliskan.

RINGKASAN :

Di tengah-tengah ibu kota Kuala Lumpur terdapat sebuah anak sungai yang sedang ditambah membongkar kewujudan spesies ikan toman dan patin.

3..	Tajuk	Bubu naga, ketam, udang tanpa tuan dirampas
	Akhbar/Media	Harian Metro
	Muka surat/capaian	11
	Kategori Liputan	Positif

Bubu naga, ketam, udang tanpa tuan dirampas

Tanjung Karang: Polis merampas 22 bubu naga menerusi Op Taring Gelora di 2.8 hingga 2.1 batu batu nautika dari Bagan Tengkorak di sini, kelmarin.


Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Satu, Asisten Komisioner Rusley Chi Ari berkata, pihaknya menerima maklumat daripada nelayan tempatan jam 8.30 pagi berhubung kegiatan menangkap ikan

secara haram menggunakan bubu naga.

"Sepasukan anggota PPM bergerak ke lokasi dan menjumpai lima tanda disyaki digunakan untuk menandakan pukot jenis bubu naga.

"Pemantauan dilakukan sehingga jam 1 tengah hari namun tiada pemilik hadir ke lokasi sebelum rampasan dibuat," katanya.

Menurutnya, rampasan



semua bubu naga dianggarkan bernilai RM2,200 itu mengikut Akta Perikanan 1985 dan kes diserahkan

kan kepada Pegawai Penyiasat Jabatan Perikanan Negeri Selangor.

Dalam kes berasingan, 18 bubu udang dan ketam bernilai RM900 dirampas di perairan Kuala Perlis, Perlis.

Katanya, dua lelaki disyaki warga asing dilihat melarikan diri menaiki bot sejarus menyedari kehadiran kapal peronda PPM di lokasi kejadian.

RINGKASAN :

Polis merampas 22 bubu naga bernilai RM2,200 menerusi Op Taring Gelora di 2.8 hingga 2.1 batu nautika dari Bagan Tengkorak. Dalam kes berasingan, 18 bubu udang dan ketam bernilai RM900 dirampas di perairan Kuala Perlis.